

**Speaker mahu debat Pua-Arul selepas laporan PAC, ancam letak jawatan**  
**Malaysian Insider**  
**Nov 4, 2015**  
**Oleh Md Izwan**

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia mahu debat antara Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua dengan Presiden 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Arul Kanda Kandasamy diadakan selepas laporan Jawatankuasa Kira-kira Negara (PAC) mengenai 1MDB dikeluarkan.

Pada masa yang sama, Pandikar menafikan beliau menghalang debat antara Pua dengan Arul, malah laporan PAC juga akan dikeluarkan dalam sesi kali ini.

"Saya tidak halang perdebatan.

"Saya cuma kata perbincangan ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (Pua) dengan presiden 1MDB, Arul dibuat selepas laporan PAC ini dikemukakan kepada Dewan dan Majlis," katanya menjawab soalan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) mengenai mengapa debat tersebut tidak boleh diteruskan.

Pandikar juga mempertahankan keputusan tersebut dengan berkata selepas laporan PAC siap dan dibentangkan, semua pihak boleh berbahas dalam dan di luar Dewan.

"Ia juga akan dibahas semua ahli Parlimen di sini, ia juga akan dibahas di luar.

"Saya tidak halang perdebatan tapi harus dibuat selepas penyata PAC, itu adalah pendirian saya," katanya.

Beliau juga mengulangi pendiriannya akan meletak jawatan jika kerajaan dan pembangkang masih mahu meneruskan debat tersebut.

"Kalau diteruskan juga, itu tindakan yang saya akan buat.

"Jadi bermakna, apa hujah selepas ini, orang lain tidak akan dapat ubah pendirian yang saya buat," katanya.

Pua kemudian bangun mencelah semasa penjelasan Pandikar, beliau akur dengan keputusan itu, tetapi mendakwa haknya seolah-olah ditindas dalam isu 1MDB.

"Saya kecewa dalam isu 1MDB, di mana seolah-olah hak saya ditindas," kata Pua.

Pandikar juga menjelaskan beliau tidak boleh memberi arahan kepada Arul jangan berterusan mengeluarkan kenyataan mengenai 1MDB kerana beliau bukan ahli PAC.

"Saya tidak mempunyai kuasa memberi arahan (gag order) kepada mereka yang bukan ahli PAC," kata Pandikar. – 4 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/speaker-mahu-debat-pua-arul-selepas-laporan-pac-ancam-letak-jawatan>